

# BAB PERTAMA

## BAB PERTAMA

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Solat Fardu merupakan rukun Islam yang kedua selepas daripada mengucap dua kalimah Syahadah . Ia menjadi tiang utama kepada seluruh ibadat – ibadat yang lain kerana di dalamnya terkandung segala kebaikan dan hikmah Ilahi kepada seluruh hamba-Nya . Justeru , adalah tepat apabila Rasulullah S.A.W. mengisyaratkan bahawa solat itu menjadi tiang Agama Islam dan sesiapa yang meninggalkan solat maka sesungguhnya ia telah meruntuhkan agama.

Berdasarkan kepada *majhumm* hadis di atas adalah jelas bahawa mendirikan solat menjadi titik tolak utama untuk menilai tentang sejauhmana ketaatan dan keimanan seseorang kepada Allah Ta'ala . Manakala mencuaikan solat pula menjadi darjah ukuran tentang sejauhmana ketidakpatuhan dan keingkaran seseorang kepada perintah -Nya .

Justeru , kajian yang dijalankan oleh penulis tentang masalah pengabaian Solat Fardu di kalangan remaja sekolah merupakan suatu kajian yang menyentuh secara tidak langsung tentang dua persoalan yang ditimbulkan di atas iaitu solat itu menjadi kayu ukur di antara dua unsur ; ketaatan atau keingkaran kepada perintah Allah Ta'ala . Ketaatan berlaku setelah mana orang - orang Islam mendirikan solat manakala keingkaran terjadi dengan

sebab mereka mencuaikan perintah mendirikan solat . Begitu juga dengan remaja , mereka dianggap sebagai seorang muslim yang taat kepada suruhan Allah sekiranya mereka menunaikan solat sebaliknya jika mereka mengabaikan solat maka mereka dianggap sebagai seorang muslim yang durhaka dan tidak mentaati perintah-Nya .

Bertitik tolak dari kenyataan ini , penulis cuba mengenengahkan suatu isu dan fakta yang sebenar berkaitan dengan remaja sekolah dari aspek kepatuhan mereka kepada perintah agama . Landasan teori yang digunakan oleh penulis dalam kajian ini adalah berkisar tentang kedudukan remaja sebagai seorang *mukallaf* menurut hukum Islam dan hukum pengabaian Solat Fardu sebagaimana mengikut pandangan para *fiqahā'* Islam berdasarkan kepada dalil – dalil al-Qur'ān dan al-Sunnah .

Meskipun kajian yang dilakukan adalah melibatkan para remaja Islam yang menuntut di sekolah- sekolah menengah di sekitar Daerah Pasir Puteh , namun yang sebenarnya kajian ini adalah sebagai sampel kajian terhadap permasalahan yang sama yang berlaku di kalangan remaja sekolah di seluruh negara kita ketika ini .

## **1.2 Latarbelakang masalah kajian**

Islam sebagai agama yang tulen telah menjadikan Solat Fardu sebagai satu daripada rukun Islam yang lima dengan memfardukan ke atas tiap – tiap penganutnya muslim dan muslimat supaya mendirikan solat lima waktu sehari semalam . Untuk itu , Islam telah mewajibkan ke atas penjaga supaya

menyuruh kanak – kanak bersolat sejak usianya tujuh tahun dan mewajibkan penjaga- penjaganya itu memukul kanak – kanak yang berdegil atau malas setelah usianya sepuluh tahun . Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud :

*“ Suruhlah anak – anak kamu mendirikan solat apabila mereka meningkat usianya tujuh tahun dan pukul mereka itu (jika degil atau malas ) apabila usia mereka meningkat sepuluh tahun serta pisahkanlah tempat tidur antara mereka ”<sup>1</sup>*

Kewajipan solat itu terlalu mustahak dan orang yang meninggalkan solat adalah berdosa besar kerana ia menjadi rukun Islam yang bererti tidak wujud keislaman seseorang kecuali dengan mengerjakannya pada tiap – tiap waktu di samping menunaikan rukun- rukun Islam yang lain .

Melihat kepada peri pentingnya kedudukan solat dari aspek kefarduannya ke atas setiap penganutnya , lelaki atau perempuan maka perbuatan mengabaikan Solat Fardu sama ada secara langsung atau tidak merupakan suatu kemudarat dan ancaman yang besar kepada keselamatan Agama Islam dan penganutnya .

---

<sup>1</sup> al-Imām Abī al-Tayyib Muhammād Syams al-Haq al -‘Azīm Ābādī ( 1995 ) , ‘Awn al-Ma’būd Syarh Abī Dāwud . Kitāb al-Solāh ; Bāb Matā Yu’mar al-Ghulām al-Solāh , no. hadith 491

### **1.3 Objektif Kajian**

Di sini penulis menjelaskan beberapa tujuan dan objektif kajian :

1. Ingin mengetahui sejauh mana pengamalan dan penunaian ibadat solat fardu di kalangan remaja Islam setelah mereka mencapai tahap akil- baligh (*mukallaf* ).
2. Untuk mengetahui sejauh mana sikap ibubapa , guru dan masyarakat terhadap masalah pengabaian Solat Fardu di kalangan remaja Islam dan peranan mereka dalam menyelesaikan isu ini.
3. Untuk mengetahui faktor- faktor pengabaian Solat Fardu di kalangan remaja Islam dan langkah- langkah yang patut diambil untuk mempertingkatkan kesedaran mereka supaya menunaikan kewajipan Solat Fardu.
4. Untuk membuat perbandingan di antara dua kategori remaja dari aspek penunaian dan pengabaian Solat Fardu di kalangan mereka iaitu para remaja yang belajar di sekolah- sekolah agama dan para remaja yang belajar di sekolah - sekolah aliran biasa .

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Penyelidikan yang dijalankan tentang tajuk ini memberi pendedahan awal kepada masyarakat tentang isu-isu yang berkaitan dengan remaja Islam dewasa kini .

Pada asasnya , isu yang berkaitan dengan remaja sekolah dalam kes pengabaian Solat Fardu merupakan suatu isu besar yang sepatutnya diberi perhatian serius oleh semua pihak sama seperti isu- isu remaja yang lain ketika ini . Sesetengah pihak beranggapan bahawa isu ini tidak termasuk di dalam isu – isu hangat yang membabitkan golongan remaja masa kini . Apa yang sebenarnya , tanggapan yang seumpama ini adalah tidak tepat sama sekali kerana isu ini adalah suatu simpton yang lebih berbahaya berbanding penyakit – penyakit sosial remaja sebelum ini .

Apa yang jelas , pengabaian Solat Fardu perlu dilihat sebagai punca utama kepada segala kerosakan dan penyakit sosial yang menimpa golongan remaja dewasa ini .Hakikat ini tidak dapat disangkalkan lagi kebenarannya kerana Allah S.W.T. sendiri telah menyebut berulang kali di dalam al-Qur’ān al-Karīm bahawa ibadat solat yang dilakukan oleh seseorang muslim dapat memelihara dirinya dari melakukan segala kerosakan dan kejahanatan . Oleh itu , jelaslah wujudnya pelbagai gejala sosial yang menimpa golongan remaja hari ini adalah sebagiannya berpunca dari diri mereka yang tidak menunaikan Solat Fardu .

Justeru , kajian yang dijalankan oleh penulis tentang isu pengabaian Solat Fardu di kalangan remaja sekolah cuba mengenengahkan fakta- fakta penting yang berkaitan dengan isu ini dari sudut kebenarannya atau tidak agar penulis dapat membuat suatu rumusan dan penyelesaian terhadap permasalahan ini .

### **1. 5. Skop kajian**

Kajian yang dijalankan di atas tajuk ini adalah menyentuh perkara - perkara yang berikut :

Pertama ; Kajian ini adalah melibatkan para remaja sekolah yang menuntut di sekolah- sekolah menengah di sekitar Daerah Pasir Puteh dari bulan Jan – Oktober tahun 2003 .

Kedua ; Kajian ini hanyalah melibatkan remaja sekolah dan tidak remaja umum memandangkan remaja sekolah adalah kelompok yang berbeza dengan remaja biasa dari sudut potensi akal , latarbelakang pendidikan dan mereka terikat dengan segala peraturan dan kegiatan sebagai seorang pelajar sama ada di rumah atau di sekolah .Oleh itu , mereka perlu dipimpin dengan cara dan pendekatan yang berbeza .

Ketiga ; Kajian ini ditumpukan kepada golongan remaja memandangkan tahap remaja adalah suatu tempoh permulaan untuk mereka memikul segala kewajipan dan *taklif* hukum – hukum Syāra’ .Mereka telah dikenal pasti sebagai orang *mukallaf* berdasarkan kepada beberapa pertunjuk Syāra’ yang telah ada pada diri mereka . Justeru ; mendirikan Solat Fardu adalah

sebahagian dari *taklif Syāra'* yang mesti dikerjakan oleh mereka selepas dari mengucap dua kalimah Syahadah .

### 1.6. Ulasan penulisan (*review of literature*)

Penulisan para ulama' tentang permasalahan ibadat solat adalah meliputi pelbagai bidang dan aspek sama ada yang berkaitan dengan hukum , pengamalan , falsafah , hikmah atau cabang – cabang masalah solat itu sendiri . Di antara aspek- aspek tersebut , didapati perbincangan yang paling ketara berhubung dengan ibadat solat adalah berkenaan dengan hukum dan permasalahan orang yang meninggalkan solat .

Secara khususnya , permasalahan ini dibincangkan secara terperinci dan ia diletakkan di bawah suatu tajuk perbincangan yang khusus iaitu di dalam Bab *hukmu tark al-solāh* . Penulisan – penulisan ulama' tentang tajuk ini boleh dilihat di dalam kebanyakan kitab- kitab fiqh mereka yang terdahulu . Sebagai contohnya , Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah telah menulis suatu risalah khusus tentang permasalahan ini dan ia disusun di dalam kitab yang berjudul *Kitāb al-Solāh wa Hukm Tārikhā* . Di dalam kitab ini , beliau telah memuatkan segala persoalan dan hukum – hukum yang berkaitan dengan masalah orang yang meninggalkan solat berdasarkan dalil- dalil *Syāra'* yang jelas<sup>2</sup> . Seterusnya al-Imām al-Hāfiẓ Syamsuddīn al-Dhahabī telah menulis suatu bab khusus tentang

---

<sup>2</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah ( 1998 ) , *al-Solāh wa Hukmu Tārikhā* , c.2. Beirut : Dār Ibn Hazm , h. 31.

masalah orang yang meninggalkan solat di dalam kitab yang berjudul *Kitāb al-Kabā'ir* yang bermaksud himpunan dosa-dosa besar<sup>3</sup>.

Seterusnya perbahasan yang lebih panjang tentang masalah orang yang meninggalkan solat diutarakan pula oleh Dr. Ahmad al-Syarbāsī<sup>4</sup>. Beliau telah membahaskan masalah ini di dalam aspek yang lain iaitu mengenai hukum menggantikan solat bagi orang yang meninggalkan solat. Sementara al-Imām al-Nawawī pula telah memperincikan lagi masalah ini dengan membahagikan masalah ini kepada beberapa bahagian kecil (*furu'*). Tujuannya ialah untuk menjelaskan hukum *qadā'* terhadap orang yang meninggalkan solat menurut perspektif Hukum Syāra'<sup>5</sup>.

Manakala al-Sayyid al-Sābiq pula telah membahaskan hukum meninggalkan solat dengan membicarakan soal kufur atau tidak sekiranya seseorang Islam meninggalkan Solat Fardu dengan sengaja. Dalam hal ini, beliau telah mengemukakan beberapa fatwa ulama' *salaf* dan *khalf* untuk menjelaskan permasalahan ini dengan lebih terperinci<sup>6</sup>.

Sebagai lanjutan dari masalah di atas, Dr. Wahbah al-Zuhaylī telah mengemukakan suatu aspek yang lain tentang masalah orang yang meninggalkan solat iaitu beliau membincangkan tentang bentuk – bentuk

<sup>3</sup> al-Imām al-Hāfiẓ Abū ‘Abd Allāh Muhammād bin Ahmad bin Uthmān al-Dhahabī ( 1995 ) , *Kitāb al-Kabā'ir* , c.1. Damsyiq : Dār al-Khayr , h. 30.

<sup>4</sup> Ahmad al-Syarbāsī ( 1995 ) , *Yas' al-nuṣuṣ fi al-Dīn wa al-Hayāh* , j.1.c.1. Beirut : Dār al-Jayl , h. 107 .

<sup>5</sup> al-Imām Abī Zakariyyā Mahyuddin b. Syaraf al-Nawawī ( t.t. ) , *al-Majmū'* , j.3 . Jeddah : Maktabah al-Irsyād , h. 17 .

<sup>6</sup> al-Sayyid Sābiq ( 1999 ) , *Fiqh al-Sunnah* , j.2, c. 2. Kaherah : Dār al-Fath Lil'ilm al-'Arabī , h. 115 .

hukuman yang perlu dijatuhkan ke atas orang yang orang yang meninggalkan solat dengan sengaja<sup>7</sup>.

Di dalam penulisan - penulisan terkini pula , didapati terdapat sebilangan di antara penyelidik hukum Islam yang melakukan kajian dan penyelidikan tentang tajuk dan permasalahan ini . Sebagai contohnya ialah Muhammad bin Zakaria telah mengkaji tentang tahap – tahap pengamalan Solat Fardu di kalangan pelajar sekolah menengah di beberapa buah sekolah menengah di Kota Bharu . Sebagai hasilnya didapati ramai di antara pelajar - pelajar sekolah tersebut yang mengabaikan Solat Fardu yang lima<sup>8</sup>.

Kajian yang seterusnya dijalankan oleh Dygku Intan bt. Awang Lawi tentang aspek pelaksanaan Sembahyang Lima Waktu di kalangan penduduk Pekan Kecil Meludam , Sri Aman , Bahagian Kedua , Sarawak . Berdasarkan kepada data- data yang diperolehi , didapati sebahagian besar penduduk di kawasan tersebut terutama orang dewasa yang bekerja sebagai nelayan meninggalkan Solat Fardu<sup>9</sup>.

Sementara itu , kajian yang sama turut dijalankan oleh Che Ku Rahayu bt. Che Ku Long tentang kefahaman dan amalan Solat Fardu di kalangan kakitangan Syarikat Percetakan The New Straits Time Press ( Malaysia ) Berhad di Bangsar . Di dalam kajian ini , didapati bahawa terdapat

<sup>7</sup> Wahbah al-Zuhayli ( 1998 ) , *Fiqh al-Islām wa Adillatuh* , j.1, c. 3. Damsyiq : Dār al-Fikr , h. 504.

<sup>8</sup> Muhammad bin Zakaria ( 1991 ) , “ Amalan Sembahyang Fardhu di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah ; Satu Kajian di Beberapa Buah Sekolah di Kota Bharu ” ( Kertas Projek , Fakulti Syariah , Akademi Islam , Universiti Malaya ) , h. 63 .

<sup>9</sup> Dygku Intan bt. Awang Lawi ( 1991 ) , “ Pelaksanaan Sembahyang Lima Waktu ; Satu Tinjauan di Pekan Kecil Meludam , Sri Aman , Bahagian Kedua , Sarawak ” ( Kertas Projek , Fakulti Syariah , Akademi Islam , Universiti Malaya ) , h. 51 .

sebilangan di antara pekerja syarikat percetakan tersebut meninggalkan Solat Fardu kerana malas , sibuk bekerja dan jahil tentang Agama Islam<sup>10</sup>.

Di dalam penyelidikan yang seterusnya , Mohd. Fawzy b. Abu Bakar telah melakukan kajian tentang pengamalan Solat Fardu di kalangan remaja orang asli di Pusat Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli ( PETAMA ) , Kuantan . Kesimpulan yang diperolehi ialah ramai di antara remaja orang asli yang meninggalkan Solat Fardu kerana jahil tentang Agama Islam dan malas mengerjakan Solat Fardu<sup>11</sup> .

Kajian yang berikutnya telah dijalankan oleh Habibah bt. Othman yang menumpukan tentang aspek cara dan pelaksanaan Solat Fardu di kalangan pesakit Islam di Pusat Rawatan Islam ( PUSKAWI ) Kuala Lumpur . Meskipun kajian beliau menumpukan kepada cara- cara dan pelaksanaan solat di kalangan orang sakit namun hasil penyelidikan yang diperolehi membuktikan bahawa kedapatan ramai di antara pesakit – pesakit tersebut meninggalkan Solat Fardu kerana tidak memahami tuntutan Solat Fardu yang mesti dikerjakan pada bila – bila masa sama ada di dalam keadaan sihat atau pun sakit<sup>12</sup> .

Berdasarkan kepada huraiyan yang telah disebutkan di atas adalah jelas bahawa fenomena mengabaikan Solat Fardu merupakan di antara isu

<sup>10</sup> Che Ku Rahayu bt. Che Ku Long ( 1999 ) , “ Solat Fardhu di Kalangan Kakitangan Syarikat Percetakan The New Straits Time Press ( Malaysia ) , Bangsar ; Satu Kajian Kefahaman dan Amalananya ” ( Kertas Projek , Fakulti Syariah , Akademi Islam , Universiti Malaya ) , h. 71 .

<sup>11</sup> Mohd. Fawzy b. Abu Bakar ( 2002 ) , “ Solat di Kalangan remaja orang sli di Pusat Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli ( PETAMA ) , Kuantan ” ( Kertas Projek , Fakulti Syariah , Akademi Islam , Universiti Malaya ) , h. 57 .

<sup>12</sup> Habibah bt. Othman ( 1998 ) , “ Cara dan Pelaksanaan Solat Fardhu di Kalangan Pesakit Islam : Satu Kajian di Pusat Rawatan Islam ( PUSRAWI ) Kuala Lumpur ” ( Kertas Projek , Fakulti Syariah , Akademi Islam , Universiti Malaya ) , h. 63 .

dan persoalan utama yang dibincangkan oleh ulama' berkenaan masalah ibadah solat . Kajian - kajian terkini yang dijalankan oleh penyelidik hukum Islam pula telah membuktikan bahawa isu ini merupakan suatu fenomena yang sangat serius yang berlaku di kalangan umat Islam kini . Buktinya ialah kedapatan ramai di antara masyarakat Islam yang mengabaikan Solat Fardu sama ada mereka itu adalah orang dewasa , remaja , lelaki atau perempuan .

Justeru , kajian yang dijalankan oleh penulis tentang isu pengabaian Solat Fardu merupakan suatu kajian yang menyentuh secara tidak langsung tentang persoalan dan isu yang dibincangkan oleh para ulama' dan penyelidik hukum Islam semasa ketika ini . Apa yang menarik untuk disebutkan di sini bahawa dalam menjalankan kajian ini , penulis telah meluaskan lagi skop kajian tentang tajuk ini iaitu dengan mengambilkira beberapa aspek dan pendekatan yang tidak ditekankan oleh penyelidik – penyelidik sebelum ini . Di antara aspek tersebut ialah penulis menjelaskan tentang konsep pengabaian Solat Fardu sebagaimana menurut pandangan para *fiqahā'* berasaskan dalil- dalil al-Qur'ān dan al-Sunnah .

Manakala dari yang aspek lain pula ialah penulis memfokuskan kajian ini kepada remaja sekolah . Kerelevenan penulis menjadikan remaja sekolah sebagai responden dalam kajian ini adalah kerana mereka mempunyai latarbelakang pendidikan yang khusus sementara tahap remaja pula dilihat sebagai tempoh permulaan untuk mereka memikul segala kewajipan dan taklif hukum Syāra' termasuklah perintah mendirikan Solat Fardu .

## 1.7. Metodologi Penyelidikan

Tujuan penyelidikan pada asasnya ialah untuk mendapatkan maklumat atau mencari jawapan kepada soalan yang dibangkitkan. Cara yang dilakukan untuk mencari jawapan adalah melalui satu tatacara saintifik<sup>13</sup>. Saintifik bermaksud sesuatu aktiviti yang terhasil daripada proses pembuktian secara sistematik<sup>14</sup>. Tatacara pula adalah kaedah-kaedah tertentu yang digunakan dalam sesuatu penyelidikan. Kaedah-kaedah ini dikenal juga sebagai metadologi penyelidikan.

Menurut konsep bahasa, metadologi adalah suatu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan contohnya dalam bidang penyelidikan<sup>15</sup>. Penyelidikan secara amnya dapat dirumuskan sebagai satu tatacara teratur yang hasilnya membolehkan penambahan ilmu pengetahuan. Penyelidikan dilakukan mengikut langkah-langkah tertentu, khususnya bagi mendapatkan ilmu maklumat serta menjawab persoalan yang dibangkitkan.

Bagi kajian ini, penulis menggunakan beberapa metod tertentu untuk menentukan bahawa persoalan yang ditimbulkan itu akan dapat dijawab serta maklumat yang diperolehi itu boleh diyakini. Metod-metod yang digunakan oleh penulis dalam kajian ini adalah seperti berikut ialah :

<sup>13</sup> Syed Arabi Idid ( 1992 ) , *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial* , c. 1. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , h.1.

<sup>14</sup> Mohamad Najib Abdul Ghafar ( 2001 ) , *Penyelidikan Pendidikan* , c. 3 . Skudai : Universiti Teknologi Malaysia , h. 4.

<sup>15</sup> Dr. Teuku Iskandar ( 1996 ) , *op. cit.* , h. 887.

1. Metod Penentuan Subjek
2. Metod Pengumpulan Data
3. Metod Analisis Data

### **1.7.1 Metod Penentuan Subjek**

Dalam menjalankan penelitian dan penyelidikan mengenai disertasi ini, penulis menggunakan *metod sampling* bertujuan untuk mendapatkan sebahagian maklumat daripada kumpulan yang lebih besar. Sebahagian pelajar – pelajar yang dipilih dalam kajian ini adalah sebagai sampel kajian sementara keseluruhan pelajar- pelajar sekolah Menengah di Daerah Pasir Puteh adalah populasi<sup>16</sup>. Untuk tujuan ini , penulis telah memilih 7 buah Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan dan 9 buah Sekolah Menengah Agama ( Arab ) Yayasan Islam Kelantan . Sekolah –Sekolah Kementerian yang dipilih adalah terdiri daripada Sekolah Berasrama Penuh , Sekolah Bistari dan Sekolah – Sekolah Menengah harian biasa. Sementara Sekolah- Sekolah Menengah Agama ( A ) YIK pula terdiri daripada Sekolah penuh Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan. Manakala para responden yang dipilih adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria tertentu seperti jantina , umur , tingkatan , tempat tinggal dan sebagainya .

---

<sup>16</sup> Syed Arabi Idid ( 1992 ), *op. cit.* , h. 45.

### **1.7.2 Metod Pengumpulan data**

Di dalam proses pengumpulan data, penulis akan menggunakan beberapa jenis metod iaitu :

- a ) Metod Historis
- b ) Metod Dokumentasi
- c ) Metod Interview
- d ) Metod Observasi
- e ) Metod Kaji selidik

#### **a ) Metod Historis**

Metod Historis ialah suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu kejadian. Ia digunakan dengan tujuan untuk mendapatkan data yang mempunyai maklumat sejarah. Penulis menggunakan metod ini untuk mendapatkan data- data berikut :

- a ) Latarbelakang masalah dalam Bab Pertama.
- b ) Konsep pengabaian Solat Fardu.

#### **b ) Metod Dokumentasi**

Metod dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen- dokumen yang ada hubungkait dengan masalah kajian. Sumber- sumber kajian ini boleh berbentuk sumber primer atau sumber sekunder yang telah di hasilkan oleh sarjana tempatan atau sarjana luar.

Di samping itu, penulis akan mengumpul data dengan merujuk kepada sumber-sumber rujukan dan kajian - kajian yang terdahulu khususnya untuk mendapatkan keterangan yang jelas tentang fakta-fakta penting yang berkaitan dengan tajuk kajian ini . Untuk tujuan ini, penulis akan mengunjungi perpustakaan – perpustakaan di pelbagai peringkat pengajian tinggi untuk medapatkan bahan-bahan tersebut.

Perpustakaan- perpustakaan utama yang dikunjungi oleh penulis adalah seperti berikut :

1. Perpustakaan Utama , Universiti Malaya.
2. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam , Universiti Malaya , Nilam Puri.
3. Perpustakaan Awam negeri Kelantan
4. Perpustakaan Nur al-Zahra' , Kota Bharu , Kelantan.
5. Perpustakaan Politeknik , Kota Bharu , Kelantan.

c ) **Metod Interview ( temubual )**

Salah satu cara yang paling mudah dan telah lama digunakan untuk mengukur keesahan maklumat adalah dengan menjalankan temubual . Penyelidik mendapatkan data secara berhubung terus dengan subjek secara bersemuka. Antara kebaikannya ialah kaedah ini fleksibel di mana seseorang yang ditemubual boleh menerangkan perkara yang tidak boleh difahami dengan lanjut

<sup>17</sup>

---

<sup>17</sup> Mohamad Najib Abdul Ghafar ( 1999 ) , *op. cit* , h.115.

Melalui metod ini, penulis akan melakarkan dahulu soalan-soalan temubual kepada sejumlah responden atau individu tertentu yang difikirkan boleh memberi maklumat kepada penulis berhubung masalah yang dikaji. Sepanjang kajian yang dilakukan ini, penulis telah berjaya menemubual beberapa orang responden tertentu dan mereka telah pun memberi maklumat dan data yang diperlukan oleh penulis. Di sini penulis kemukakan sebahagian dari responden yang telah ditemubual oleh penulis;

1. Ustaz Rosidi b. Ramli , Pegawai Khas Pendidikan Islam Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Puteh / Bachok , Kelantan .
1. Ustaz Roslan b. Mohammad , Warden Asrama Sekolah Menengah Agama ( Arab ) Khairiyyah , Padang Pak Amat , Pasir Puteh , Kelantan .
2. En. Wan zainal b. Wan Jaafar , kaunselor Sekolah Menengah Tok Janggut , Pasir Puteh , Kelantan .

d ) **Metod Observasi ( pemerhatian )**

Salah satu kaedah kajian yang popular ialah dengan membuat pemerhatian menggunakan berbagai- bagai cara catatan bergantung kepada objektif kajian . Penyelidik akan membuat pemerhatian terhadap perlakuan dan tindak balas responden tanpa terlibat secara langsung untuk meransangkan tindak balas tersebut. Seseorang itu mungkin membuat pemerhatian dari jauh atau berada bersama di dalam kumpulan responden<sup>18</sup>.

---

<sup>18</sup> Mohamad Najib Abdul Ghafar ( 1999 ), *op . cit .*, h. 106.

Dengan menggunakan kaedah ini , penulis secara tidak langsung membuat pemerhatian kepada para pelajar dengan memilih situasi dan waktu yang tertentu yang difikirkan boleh mendapatkan keterangan dan maklumat yang diperlukan di dalam kajian ini. Untuk keperluan ini , penulis telah membuat observasi secara tidak langsung bagi mendapat kesahan maklumat terhadap data yang diperlukan oleh penulis . Berikut disenaraikan tempat – tempat yang telah dibuat observasi oleh penulis :

1. Observasi terhadap pelajar – pelajar Tingkatan Peralihan sehingga Tingkatan lima pada bulan Ogos 2003 melalui program Solat Zuhur di SMU ( A ) Diniah , Permatang Rambai , Pasir Puteh , Kelantan .
2. Observasi terhadap pelajar – pelajar Tingkatan satu dan Tingkatan dua di Sek. Men . Tok Janggut , Pasir Puteh , Kelantan pada bulan Jun 2003 melalui program solat Zuhur di sekolah untuk pelajar – pelajar sesi petang .

**e ) Metod Soal selidik**

Soal selidik selalu digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan soalan bebas – jawab terbuka , senarai semak atau skala kadar. Soalan bebas – jawab ialah soalan isikan tempat kosong ; soalan semak ialah soalan jenis *Thurrston* di mana subjek hanya memberi jawapan dengan menandakan salah satu pilihan jawapan ; dan soalan skala kadar menggunakan

kaedah Likert di mana responden memilih jawapan daripada satu kontinum (ekstrem ke ekstrem )<sup>19</sup>

Perkara penting yang perlu diambil perhatian ialah kandunganya mestilah komprehensif iaitu segala faktor mesti diambil kira dan meliputi konstruk konsep yang ingin diukur. Justeru , dalam konteks kajian ini, penulis akan memilih bentuk – bentuk soalan yang paling sesuai dan sebagai langkah awal penulis melakarkan dahulu bentuk- bentuk soalan tersebut dan ditunjukkan kepada penyelia bagi tujuan pengesahan dan pembetulan.. Sepanjang kajian ini dibuat , penulis telah berjaya mengedarkan sebanyak 467 keping borang soalselidik kepada responden . Penulis telah membahagikan keseluruhan responden kepada dua bahagian utama iaitu pelajar – pelajar dari Sekolah Menengah aliran biasa dan pelajar – pelajar sekolah Menengah aliran agama . Seterusnya penulis membahagikan responden kepada beberapa kriteria utama seperti Latarbelakang responden ; Pengetahuan asas tentang ibadat Solat ; Hukum pengabaian Solat Fardu dan kesan – kesan meninggalkan Solat Fardu .

Berikut disenaraikan nama- nama sekolah menengah yang telah dieradik borang soal selidik .

1. Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jawa.
2. Sekolah Menengah Kebangsaan Cherang Ruku.
3. Sekolah Menengah Kebangsaan Gaal.
4. Sekolah Menengah Kebangsaan Jeram.
5. Sekolah Menengah Kebangsaan Kamil.

---

<sup>19</sup> Mohamad Najib Abdul Ghafar ( 1999 ), *op. cit.*, h. 88.

6. Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Maharaja.
7. Sekolah Menengah Kebangsaan Tok Janggut.
8. Sekolah Menengah Agama ( Arab ) Saniah.
9. Sekolah Menengah Agama ( Arab ) Tar , Islamiah , Kg. Lepah.
10. Sekolah Menengah Agama ( Arab ) Ittifakiah , Kg. Telosan.
11. Sekolah Menengah Agama ( Arab ) Nurul Huda , Bukit Yong.
12. Sekolah Menengah Agama ( Arab ) Khairiah , Padang Pak Amat.
13. Sekolah Menengah Agama ( Arab ) Diniyah , Permatang Rambai.
14. Sekolah Menengah Agama ( Arab ) Nurul Hidayah , Tualang Tinggi.
15. Sekolah Menengah Agama ( Arab ) Nahdatul Islamiah , Jelor.
16. Sekolah Menengah Agama ( Arab ) Nurul Falah , Cherang Ruku.

### **1.8. Metod analisis data**

Semua maklumat dan data yang diperolehi akan dianalisis dengan sewajarnya. Kepentingan analisis data ini adalah untuk menerangkan kepada pembaca tentang bagaimana data diperolehi dan bagaimana data dianalisis . Hasil daripada analisis iaitu keputusan yang diperolehi akan diterangkan secara sistematisik , jelas dan teratur.<sup>20</sup>

Metod-Metod analisis data yang biasa digunakan adalah metod induktif dan deduktif. Dalam Usul Fiqh kaedah deduktif dikenali dengan kaedah *istinbāt* dan kaedah induktif sebagai *istiqrā'*. Kedua- dua kaedah ini lebih merupakan pendekatan- pendekatan umum dalam proses analisis data.<sup>21</sup>

<sup>20</sup> Mohamad Najib Abdul Ghafar ( 1999 ), *op. cit.*, h. 154 .

<sup>21</sup> Dr. Idris Awang ( 2001 ), *Kaedah Penyelidikan – Suatu Sorotan* , c.1 .Petaling Jaya : Intel Multimedia and Publicatiaon , h.82.

Bagi mencapai objektif ini , penulis menggunakan beberapa metod analisis data seperti yang berikut :

- a ) Metod Induktif
- b ) Metod Deduktif
- c ) Metod Komperatif

**a ) Metod Induktif**

Metod ini merupakan suatu kaedah menganalisis data yang dihasilkan melalui pola berfikir dengan mencari pembuktian dari dalil – dalil yang bersifat khusus kepada dalil – dalil yang bersifat umum.

Penulis menggunakan metod ini dalam mengkaji data- data dan maklumat yang bersifat khusus dalam kes pengabaian Solat Fardu untuk memberi keterangan umum atau gambaran secara menyeluruh terhadap permasalahan ini kepada pihak- pihak yang terbabit seperti pelajar , ibubapa , guru dan masyarakat.

**b ) Metod Deduktif**

Metod deduktif adalah suatu cara menganalisis data berdasarkan pola berfikir yang menjadi pembuktian kepada dalil umum terhadap hal- hal yang khusus.Metod ini digunakan dalam bab ketiga iaitu konsep pengabaian Solat Fardu dan hukumnya menurut pendapat para *fuqahā'*.

Meskipun ada dalil – dalil yang bersifat khusus dalam masalah ini tetapi patut diperhatikan bahawa dalil – dalil tersebut hanya mencakupi beberapa aspek tertentu sahaja iaitu dalam kes yang mempunyai keterangan langsung dari al-Qur’ān atau al-Sunnah tetapi dalam beberapa hal kekhususan dalil- dalil tersebut perlu kepada perincian terutama dalam hal-hal yang tidak disebut secara lansung oleh dalil- dalil yang khusus tadi.

#### c ) Metod Komperatif

Metod ini adalah suatu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap segala data dan maklumat yang diperolehi dalam penyelidikan ini.

Penulis menggunakan metod ini untuk membuat perbandingan di antara data- data yang diperolehi dari metod- metod yang digunakan sebelum ini. Hasil daripada perbandingan ini akan dibuat kesimpulan terhadap persoalan yang dikaji.

#### 1. 9. Sistematika Penulisan

Penulisan disertasi ini adalah disusun mengikut urutan data dan kepentingan kajian .

Dalam bab yang pertama penulis menjelaskan tentang latarbelakang kajian ini iaitu dengan mengemukakan objektif – objektif kajian , metadologi

penyelidikan serta bentuk- bentuk penganalisaan data yang akan digunakan di dalam kajian ini .

Dalam bab yang kedua pula , penulis menjelaskan tentang konsep remaja menurut pelbagai disiplin ilmu dan di antara aspek terpenting di dalam bab ini ialah perbincangan tentang kedudukan remaja sebagai seorang mukallaf menurut hukum Islam dan hubungannya dengan kewajipan mendirikan Solat Fardu .

Seterusnya dalam bab yang ketiga , penulis membincangkan secara khusus tentang hukum pengabaian Solat Fardu dengan mengemukakan pelbagai pandangan para *fiqahā'* dari mazhab - mazhab fiqh yang utama . Seterusnya , penulis menyebut secara langsung tentang kesan- kesan pengabaian solat sama ada kepada diri remaja atau implikasinya dari sudut hukum *Syāra'* .

Manakala dalam bab yang keempat , penulis membentangkan hasil kajian ini dalam suatu bentuk laporan penyelidikan yang akan menjawab segala persoalan dan hipotesis yang telah ditimbulkan di dalam tajuk kajian ini sebelum ini.

Bab yang terakhir pula iaitu bab yang kelima , penulis membuat rumusan dan kesimpulan secara umum serta mengemukakan cadangan- cadangan yang dirasakan perlu khususnya dalam menyelesaikan setiap permasalahan terhadap isu yang ditimbulkan di dalam kajian ini .